



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 23/2018 dari 3 hingga 9 Jun 2018)

Kes Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-23 iaitu bermula dari 3 hingga 9 Jun 2018 menunjukkan peningkatan. Sejumlah 1,658 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-23, peningkatan 308 kes (22.8%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1,350 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi sehingga 9 Jun 2018 sebanyak 27,103 kes berbanding 43,807 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 16,704 kes (38.1%). Terdapat peningkatan kes di sebelas negeri kecuali negeri Perlis, Kedah, Perak dan Melaka.

Terdapat dua (2) kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-23, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 46 kematian, berbanding 101 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu pengurangan sebanyak 55 kematian (54.5%).

Jumlah lokaliti wabak semasa meningkat sebanyak 29 lokaliti (6.1%), iaitu 503 lokaliti pada minggu ke-23 berbanding 474 lokaliti pada minggu sebelumnya. Manakala sebanyak 65 lokaliti hotspot melibatkan lima (5) buah negeri iaitu Selangor (53), WPKL-Putrajaya (5), Pulau Pinang (5), Perak (1) dan Johor (1) telah dilaporkan.

Terdapat satu (1) kes Chikungunya yang dilaporkan pada minggu ke-23. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 9 Jun 2018 adalah sebanyak 70 kes iaitu 29 kes di Daerah Pasir Puteh, 27 kes di Daerah Tumpat, enam (6) kes di Daerah Kota Bharu, dua (2) kes di Daerah Kuala Muda, manakala masing-masing satu (1) kes di daerah Sik, Meradong, Machang, Kangar, Sepang dan Penampang.

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 1,256 sampel darah dan sembilan (9) sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Masyarakat yang balik ke kampung menyambut Hari Raya Aidilfitri perlu melakukan aktiviti pencegahan Denggi selepas pulang dari kampung. Disarankan untuk menyembur aerosol di dalam rumah terlebih dahulu untuk membunuh nyamuk dewasa. Periksa semula bekas-bekas air yang sukar dikosongkan dengan meletakkan bahan pembunuh jentik-jentik dan bersihkan tempat pembiakan Aedes seperti tayar, bekas tong, plastik, tin atau kaca. Tindakan pencegahan daripada masyarakat amat diperlukan bagi memastikan kejadian penyakit dapat dikawal dan dicegah daripada terus berlaku. KKM ingin mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri. Pastikan hari raya disambut dengan meriah dan bebas dari Denggi. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**


by
DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

14 Jun 2018

DATUK DR SHAHNAZ MURAD
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia
No. MMC 26324

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 23/2018
(3 hingga 9 Jun 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 23/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 23/2017	
		Minggu 23 (3 Jun – 9 Jun 2018)		Minggu 22 (27 Mei – 2 Jun 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	6	0	8	0	105	0	94	0
2	Kedah	58	0	60	0	777	2	754	4
3	P. Pinang	153	0	117	0	1847	2	1073	6
4	Perak	46	0	57	0	1367	3	3753	7
5	Selangor	906	2	737	0	15013	13	23576	36
6	WP KL & Putrajaya	188	0	142	0	2198	3	4360	17
7	N. Sembilan	36	0	33	0	549	0	2017	8
8	Melaka	14	0	18	0	225	0	731	1
9	Johor	130	0	88	0	2393	6	3320	11
10	Pahang	21	0	14	0	385	2	915	2
11	Terengganu	4	0	3	0	79	0	157	1
12	Kelantan	31	0	25	0	406	1	1575	2
13	Sarawak	10	0	6	0	218	1	598	3
14	Sabah	50	0	40	1	1508	13	871	3
15	WP Labuan	5	0	2	0	33	0	13	0
	MALAYSIA	1658	2	1350	1	27103	46	43807	101

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 23/2018
(3 hingga 9 Jun 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Kristal)	21	95
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Mentari : Blok 1,2 & 3)	43	94
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	40	82
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	44	79
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Ruby : Blok E, F, G & H)	18	76
6	SELANGOR	Gombak	Appt Casmaria	26	74
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8)	20	72
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	41	70
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres D : Jln 7/23 - 7/27)	24	66
10	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	38	64
11	SELANGOR	Gombak	Rawang Integrated Industrial Park	36	63
12	SELANGOR	Gombak	Appt Orkid Rawang Perdana	16	61
13	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat A : Blok 1 - 10)	13	61
14	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Nuri Bandar Bukit Mahkota	46	61
15	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Kenanga Tbr Bb	48	59
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Brunfield Riverview)	38	58
17	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Puteri Kondo	36	58
18	WPKL	Cheras	Appt Sri Rakyat	12	57

19	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	27	56
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Teres D : Jln 19/16 - 19/23d)	10	55
21	SELANGOR	Hulu Langat	Blok N-X Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	18	55
22	P PINANG	Timur Laut	Desa Bistari	39	55
23	SELANGOR	Klang	B.B.T Jalan Batu Nilam 15	22	54
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat D : Blok 28 - 31)	15	52
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 (Kuarters Polis : Blok 5 - 12)	22	51
26	SELANGOR	Klang	T.S (Jln Dato Abdul Hamid 8-11)	19	50
27	SELANGOR	Klang	Taman Bayu Perdana (Appartment Prima Bayu)	18	50
28	PERAK	Kinta	Kg Merawan Indah	15	50
29	WPKL	Lembah Pantai	Appt Kinrara Mas	22	48
30	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Kg Baru Hicom : Jln Bunga Tanjung)	19	48
31	SELANGOR	Petaling	Usj 21 (The Main Place Residences)	28	47
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen U3 (Pangsapuri Daisy C : Blok 9 - 13)	8	47
33	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Mega Indah	7	45
34	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Putera Kondo	8	45
35	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Indah 2	11	45
36	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Teres D : Jln 27/54 - 27/87)	11	45
37	SELANGOR	Klang	T.S (Jln Dato Abdul Hamid 7-13,15)	12	44
38	SELANGOR	Petaling	Tmn Puncak Kinrara 2 (Blok A)	12	44

39	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 5/21,5/23,5/25,5/27,5/29,5/ 31,5/33 & 5/2,5/4,5/6,5/8,5/10,5/12,5/ 14 Ban	8	40
40	SELANGOR	Klang	Bandar Botanik (Pangsapuri Palma)	17	40
41	P PINANG	Timur Laut	Jalan Ross	14	40
42	SELANGOR	Petaling	Pjs 11/7 (Nadayu Resident)	7	40
43	SELANGOR	Klang	Tmn Pendamar Indah 2 (Lebuh Damar Merah)	7	39
44	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Lp 7-Flat)	8	39
45	SELANGOR	Hulu Langat	Lorong B1-B9 Kampung Pandan Dalam	6	38
46	SELANGOR	Petaling	Usj 2/5	11	38
47	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 2	7	37
48	WPKL	Cheras	Flat Taman Connaught (5 Tingkat)	6	37
49	P PINANG	Timur Laut	Jalan Abdullah Ariff	7	36
50	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Puncak Perdana : Uitm)	28	36
51	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Bangi Idaman Bandar Baru Bangi	8	36
52	SELANGOR	Hulu Langat	Kuis	23	35
53	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 6	7	35
54	P PINANG	Timur Laut	Bj Court	14	35
55	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Kenangan	9	35
56	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 (Kondo Sri Mahligai & Town House Sri Mahligai)	5	35
57	WPKL	Cheras	Ppr Sri Alam B (Blok 6 - Blok 12)	15	34
58	JOHOR	Johor Bharu	Forest City_Tyoc Plot 4	12	34

59	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)	6	34
60	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Kg Baru Hicom :Jln Bunga Melor	5	34
61	P PINANG	Timur Laut	Symphony Park	5	33
62	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Saga 20-28 Taman Saga	4	33
63	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 2 : Blok D, E, F	5	32
64	WPKL	Cheras	Taman Connaught(Seri Cendekia Kondo)	7	31
65	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 (4)	8	31

